



SIARAN SERTA MERTA

MOTAC.100-2/1/18 JLD4 (32)

KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

SIARAN MEDIA

TIPU JEMAAH UMRAH: MOTAC SEMAK SEMULA SEMUA SYARIKAT AGENSI PELANCONGAN, BERBINCANG DENGAN ARAB SAUDI BERKENAAN KUOTA

Susulan insiden penipuan oleh segelintir syarikat agensi pelancongan pengurusan jemaah yang mengerjakan umrah, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) akan meneliti serta menyemak semula kelayakan kesemua syarikat agensi pelancongan, khususnya yang menjalankan perniagaan berkaitan perjalanan mengerjakan umrah di Arab Saudi.

Walaupun pihak MOTAC telah mengenakan tindakan tegas terhadap syarikat-syarikat yang berkenaan seperti membatalkan lesen mereka, namun masih terdapat aduan mengenai masalah sama. Saya difahamkan masih ada ejen-ejen syarikat pelancongan ini yang degil dengan mempromosikan pakej-pakej umrah tetapi tidak melaksanakannya.

Sebelum ini terdapat aduan dan keluhan orang ramai khususnya jemaah umrah yang menjadi mangsa penipuan segelintir syarikat agensi pelancongan pengurusan umrah yang tidak bertanggungjawab. Ada jemaah umrah yang tidak dibawa ke destinasi-destinasi atau diberikan perkhidmatan yang sepatutnya, seperti yang ditawarkan oleh syarikat agensi pelancongan berkenaan. Lebih malang, jemaah umrah ini gagal menghubungi syarikat agensi pelancongan berkenaan apabila mereka tiba di lapangan terbang di Arab Saudi. Syarikat agensi pelancongan ini secara tidak berhati perut melepaskan tangan sehingga mengecewakan pelanggan mereka.

Justeru, saya telah mengarahkan Timbalan Menteri MOTAC, YB Tuan Khairul Firdaus Akbar Khan untuk mengetuai jawatankuasa semakan ini dan membentangkan laporan lengkap dalam tempoh sebulan, termasuk mengkategorikan syarikat yang benar-benar menjalankan perniagaan dengan baik dan sebaliknya. Saya juga mahu laporan terperinci mengenai rekod syarikat-syarikat ini sepanjang menguruskan jemaah umrah. Ini bagi memastikan syarikat agensi pelancongan lebih

bertanggungjawab semasa menjalankan perniagaan dan tidak sesekali mengabaikan pelanggan masing-masing.

Dalam masa sama, saya juga akan mengadakan kunjungan hormat ke atas Tuan Yang Terutama (TYT) Duta Besar Arab Saudi ke Malaysia serta Menteri Haji dan Umrah Arab Saudi untuk membincangkan tentang kuota. Sekiranya MOTAC dapat diberi amanah, jawatankuasa yang diketuai oleh YB Timbalan Menteri akan ditubuhkan untuk menguruskan perkara ini daripada diberikan secara terus kepada syarikat agensi pelancongan agar proses jemaah umrah dari negara kita dapat berjalan dengan lebih lancar, telus dan bertanggungjawab serta memastikan kejadian sama khususnya membabitkan penipuan tidak berulang lagi di masa hadapan. Selain itu, pihak MOTAC juga akan menyelesaikan beberapa isu lain seperti harga dan prosedur permohonan boleh dibuat melalui MOTAC, sebelum MOTAC menyerahkannya kepada agensi-agensi pelancongan yang bertanggungjawab. Selain dapat menjimatkan kos yang tidak perlu dikenakan kepada pelanggan, ia juga dapat membantu menyelesaikan semua perkara secara bersekali. Manakala semua syarikat agensi pelancongan sama ada yang telah

lama beroperasi mahupun syarikat baharu, perlu melaporkan setiap aktiviti berkaitan pelanggan mereka sepanjang perjalanan mengerjakan umrah kepada MOTAC. Ini bagi membolehkan MOTAC memantau secara dekat dan memastikan segala janji yang ditawarkan kepada pelanggan mereka dikotakan.

Saya amat berharap dengan inisiatif MOTAC ini kelak dapat membantu dan menjaga jemaah umrah daripada terus menjadi mangsa penipuan. Di samping itu juga, ianya dapat memberi peringatan kepada semua syarikat agensi pelancongan supaya tidak sesekali memperdaya pelanggan masing-masing, sebaliknya berusaha bersungguh-sungguh untuk memberikan perkhidmatan terbaik dalam satu persaingan yang sihat. Saya juga merayu agar semua syarikat agensi pelancongan pengurusan umrah untuk sentiasa jujur dalam menjalankan perniagaan mereka dan sentiasa menunaikan perniagaan mereka serta sentiasa menunaikan tanggungjawab sepenuhnya dalam memberi tawaran perkhidmatan yang dijanjikan. Syarikat-syarikat berkenaan adalah dilarang untuk memasarkan dan menawarkan perkhidmatan yang

tidak mampu diberikan seperti tidak mempunyai kuota atau kapasiti logistik yang sepatutnya.

YB DATO SRI TIONG KING SING
MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA
24 NOVEMBER 2023

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat

KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA (MOTAC)

Tel: 03-8000 8000 Fax: 03-88917181

Website: www.motac.gov.my Email: info@motac.gov.my

Facebook, Instagram & X: @mymotac